

11/11/1999

Kerajaan BN peneraju sistem ekonomi Islam

Ahmad Ikram Abdullah

SAYA terpenggil untuk menulis di ruangan ini berikutan kenyataan sesetengah pihak yang mendakwa merekalah yang bertanggungjawab mempelopori ekonomi Islam seperti Pajak Gadaai Ar-Rahn sehingga diterima pakai dan diikuti oleh kerajaan Barisan Nasional (BN).

Saya berasa perlu dibentangkan fakta sebenar supaya pembaca dapat menilai dengan saksama dan tidaklah terkeliru. Izinkan saya mengambil contoh di Terengganu.

Kesungguhan kerajaan BN Terengganu dalam melaksanakan program pembangunan berteraskan Islam dapat dilihat melalui usaha kepemimpinannya mewujudkan satu pakej perekonomian berteraskan syariah. Terdapat sekurang-kurangnya tujuh produk yang menjadi komponen kepada satu pakej ekonomi berteraskan syariah.

Pakej ini dimulakan dengan Pelancaran Skim Pinjaman Amanah Saham Bumiputera (ASB) menurut Konsep Al Bai Bithaman Ajil kepada rakyat miskin pada 1985. Ia adalah yang pertama seumpamanya.

Produk kedua yang dilancarkan ialah Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) atau lebih dikenali dengan nama Pajak Gadaai Ar-Rahn yang dilancarkan berdasarkan Peraturan-Peraturan Muassasah Gadaian Islam Terengganu 1991. Ia juga yang pertama seumpamanya.

Perancangan untuk menubuhkan MGIT mengambil masa yang cukup lama kerana memerlukan kajian yang mendalam. Ia bermula dengan perbincangan antara Menteri Besar Terengganu dengan Ahli-Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu pada 9 Jun, 1983.

Oleh kerana ia suatu perkara yang cukup besar, maka kajian dan perancangan yang teliti terpaksa dibuat bagi memastikan pelaksanaannya tidak menghadapi sebarang masalah.

MGIT adalah sepenuhnya satu bentuk perkhidmatan untuk rakyat. Tiada bayaran perkhidmatan dikenakan ke atas pemiutang.

Selama beberapa tahun awal penubuhannya, MGIT beroperasi dengan sokongan dan bantuan kuat daripada kerajaan. Hal ini berlaku kerana keyakinan dan komitmen kerajaan BN untuk menjalankan MGIT sebagai satu khidmat fardu kifayah kepada rakyat.

Perlu dimaklumkan juga bahawa penubuhan Pajak Gadaai Ar-Rahn di sebuah negeri lain adalah sebenarnya hasil daripada kunjung hormat pemimpin negeri itu ke Terengganu pada awal 1990-an.

Di samping itu, kerajaan BN Terengganu juga melaksanakan beberapa produk perekonomian Islam lain yang diharap dapat menjadi satu pakej lengkap yang saling menyokong dan membantu (cross subsidy) antara satu sama lain.

Produk ketiga yang dilancarkan ialah Amanah Saham Darul Iman (Asdi) pada 31 Oktober, 1994 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ia adalah produk saham amanah negeri berteraskan syariah yang pertama di Malaysia.

Islam adalah agama yang tidak membebankan umat dengan perkara yang di luar kemampuan penganutnya. Sebagaimana MGIT, Asdi hanya diperkenalkan setelah kerajaan negeri berasa yakin dengan kemampuan dan kepakaran yang ada. MGIT dan Asdi menyaksikan sikap sabar dan begitu berhati-hati di pihak kerajaan dalam melaksanakan sesuatu yang besar impaknya kepada rakyat.

Produk keempat ialah pengurusan aset (asset management) berteraskan syariah. Produk kelima ialah broker saham berteraskan syariah. Asdi, syarikat pengurusan aset dan broker saham ketiga-tiganya diurus oleh

Permodalan Terengganu Berhad (PTB).

Aktiviti perniagaan ketiga-tiga produk ini adalah berdasarkan garis panduan yang diberi oleh satu Panel Penasihat Syariah.

Produk-produk ekonomi Islam lain yang dalam perancangan ialah Takaful dan Bank Islam. Sekiranya keseluruhan produk ini dijadikan satu pakej, maka ia dikira lengkap sehingga mampu menjadikan Terengganu sebagai sebuah pasar kewangan (financial market) berteraskan syariah.

Apa yang jelas di sini ialah di samping komitmen tinggi kerajaan BN Terengganu melaksanakan pakej perekonomian berteraskan syariah, kepimpinan mengambil sikap berhati-hati dan merancang dengan penuh teliti. Hal ini berlaku kerana perkara yang ingin dilaksanakan besar kesannya kepada masyarakat dan supaya sebarang masalah yang bakal timbul dapat dijangka dan diselesaikan dengan baik.